

# Rakyat Malaysia pertama anggotai OIE

Oleh **NURAINA HANIS ABD. HALIM**

[pengarang@utusan.com.my](mailto:pengarang@utusan.com.my)

**KUALA LUMPUR 29 Jun** - Ahli akademik dalam bidang patologi ikan, Fakulti Perubatan Veterinar, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Datuk Dr. Mohamed Shariff Mohamed Din menjadi rakyat Malaysia pertama dipilih untuk menganggotai Suruhanjaya Standard Kesihatan Haiwan Akuatik, Pertubuhan Kesihatan Haiwan Sedunia (OIE).

Menurut Mohamed Shariff, beliau akan menganggotai jawatankuasa berkenaan bagi tempoh enam tahun bersama lima wakil, setiap seorang dari Australia, Kanada, Chile, United Kingdom dan Zimbabwe.

“Ini satu pengiktirafan di peringkat global dan satu sejarah bagi negara kita yang buat kali pertamanya rakyat Malaysia dipilih untuk menganggotai suruhanjaya ini,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Dalam pada itu, Mohamed Shariff yang dipilih pada Persidangan Agung Tahunan OIE berlangsung pada 24 hingga 29 Mei lalu, turut melahirkan rasa syukur dan berazam akan melaksanakan tanggungjawab baharu itu dengan sebaik mungkin agar menjadi contoh kepada rakyat Malaysia lain untuk mencapai kecemerlangan di persada antarabangsa.

Beliau turut menyatakan kesediaan bagi memberi bantuan dan sumbangan kepada negara yang memerlukan khidmatnya berhubung penyakit haiwan akuatik.

Sementara itu, Dekan Fakulti Perubatan Veterinar UPM, Prof. Mohd. Hair Bejo berkata, pemilihan pensyarah UPM tersebut membuktikan kejayaan dan kemampuan negara untuk berkongsi pandangan dalam pelaksanaan hala tuju dasar kesihatan haiwan dunia.

“Dengan pelantikan ini, masyarakat antarabangsa akan lebih mengetahui mengenai kepakaran yang ada pada rakyat negara ini,” katanya.



**Ini satu pengiktirafan di peringkat global dan satu sejarah bagi negara kita yang buat kali pertamanya rakyat Malaysia dipilih untuk menganggotai suruhanjaya ini.”**

**MOHAMED SHARIFF  
MOHAMED DIN**  
Ahli akademik